

ENYERAHAN
AJAAN NEGERI KEDAH
JHAN SUKARELA KEBANGSAAN
NEGERI KEDAH TAHUN 2021

NIKHIL : 3HB NOVEMBER 2021
TEMPAT : DEWAN HAKIM KEDAH
YAB DENGAR MENTERI : YB. MD NOR

“From Society
To Community”

Bil 2/2021 (Jul - Dis 2021)



SOCIETY

News by ROS

BULETIN RASMI JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



SIDANG REDAKSI

Penasihat »»

YBRS. TUAN HAJI MOHD NAWARDI BIN SAAD

Ketua Pengarah JPPM

Ketua Editor »»

ENCIK ARIS BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Editor »»

ENCIK MD AZWARI BIN MA'AROF

CIK KHAIRUNNISA BINTI FAHRO ROZI

ENCIK MOHD AMARUDIN BIN MOHD OMAR

ENCIK KHAIROL NIZAM BIN MOHD NOPUS

Foto »»

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, JPPM

PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM (PRO) JPPM NEGERI

Diterbitkan Oleh »»

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

Aras 8 & 9, Blok D7, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62546 Putrajaya.



SEKAPUR SIRIH

**Assalamualaikum w.b.t. dan
Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, marilah kita merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah kurnia dan izinNya juga, JPPM dapat menerbitkan buletin bilangan 2 tahun 2021 ini. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung ucapan terima kasih kepada seluruh warga JPPM yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan sepanjang tempoh Jun hingga Disember 2021.

Tahun 2021 merupakan detik yang sukar dan mencabar rentetan pandemik Covid-19 yang melanda negara masih berterusan sehingga kini. Namun, itu bukanlah menjadi penghalang kepada warga JPPM untuk memastikan penyampaian perkhidmatan terus cemerlang. Kita hendaklah bermula positif dengan merenungkan kejayaan dan rintangan di tahun 2021 sebagai panduan untuk tahun mendatang.

Akhir kata, semoga buletin ini dapat menjadi sumber inspirasi kepada warga Jabatan dalam membangkitkan rasa semangat berpasukan. Harapan saya agar budaya dan momentum kecemerlangan ini dapat terus dipertingkatkan lagi serta melakukan anjakan dalam pemikiran dan amalan ke arah mencapai matlamat. Marilah bersama-sama saya untuk memberi komitmen terbaik bagi memenuhi amanah ini dan memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati keamanan bersama yang menjadi tonggak Kementerian Dalam Negeri.

**“ Daripada
Pertubuhan
Kepada
Masyarakat ”**



**HAJI MOHD NAWARDI
BIN SAAD**
*Pendaftar
Pertubuhan Malaysia*

**“ Marilah bersama-sama saya untuk
memberi komitmen terbaik bagi memenuhi
amanah ini dan memastikan rakyat Malaysia dapat
menikmati keamanan Bersama yang menjadi
tonggak Kementerian Dalam Negeri. ”**

TINTA PENGARANG



ARIS ABDUL RAHMAN

“ Kejayaan demi kejayaan pada tahun 2021 telah berjaya meletakkan JPPM ke tahap yang tersendiri. Pelbagai langkah proaktif dan inovatif telah dilaksanakan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan JPPM berjalan lancar. Terima kasih semua yang telah bertungkus-lumus dan memberi komitmen serta kerjasama yang diberikan sepanjang tahun 2021. ”

**Assalamualaikum w.b.t. dan
Salam Hormat.**

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada sidang redaksi yang memerah keringat dan sentiasa komited dalam menerbitkan Buletin Bil.2/2021 ini. Harapan saya agar bulletin ini dapat menjadi wacana yang bermanfaat kepada semua warga JPPM.

Merentasi tempoh 12 bulan yang lalu, JPPM telah melalui banyak perubahan dan pengalaman yang membawa kita kepada tahap kematangan daripada pelbagai segi aspek kompleksiti termasuklah perubahan cara kepimpinan dari pemimpin yang berbeza. Semoga segala pengalaman dapat memberi inspirasi dan nilai tambah (Value Added) kepada diri kita demi perkembangan kerjaya pada masa akan datang.

Saya yakin Tahun 2022, JPPM akan menghadapi pelbagai cabaran namun saya percaya semangat padu warga JPPM akan mengatasi masalah ini dan mencapai lebih banyak kejayaan gemilang di masa akan datang.

Akhir kata, harapan saya agar setiap warga JPPM dapat menjaga disiplin diri serta imej dan nama baik Jabatan dari sebarang isu dan tanggapan negatif lebih-lebih lagi dalam mengharungi zaman yang semakin moden dan mencabar ini.

Terima kasih & Salam Hormat.

BERITA JPPM

#BERITAJPPM



Majlis Anugerah
**PERKHIDMATAN CEMERLANG
& ANUGERAH KHAS
KECEMERLANGAN 2020**

PUTRAJAYA, 25 JUN 2021 – Satu pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai JPPM yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berprestasi tinggi sepanjang Tahun 2020 .

Pengiktirafan ini juga bertujuan untuk menjadikan penerima anugerah sebagai role model dan daya penarik kepada pegawai dan kakitangan lain untuk sama-sama meningkatkan kecemerlangan. Majlis telah dilaksanakan secara hybrid iaitu secara fizikal dan secara dalam talian.



Penerapan NILAI-NILAI MURNI

PUTRAJAYA, 23 JULAI 2021 – Satu program bagi pembentukan kesihatan mental yang baik dalam kalangan warga JPPM serta memberi pendedahan terhadap pengurusan krisis stress dan kewangan. Forum bual bicara Intervensi krisis Tekanan Mental telah di berikan oleh Pengurus Yayasan Zuriat Care (Puan Alia Muhammad Ali) dan Schizophrenia Survivor (Puan Mala Davi N Thanjappan & Puan Vishalatchi a/p Arunagiri).





Sambutan BULAN KEBANGSAAN

PUTRAJAYA, 25 OGOS 2021 – Jabatan mengambil langkah proaktif untuk menyemarakkan semangat Malaysia Prihatin, patriotisme dan memupuk rasa cinta pada negara dan perpaduan antara kaum seterusnya dapat mengukuhkan jati diri rakyat Malaysia terutama warga JPPM. Beberapa pertandingan telah diadakan bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan kebangsaan antaranya mencipta karya sajak, mencipta replika Bendera Malaysia @ mercu tanda Malaysia, Klik Foto Merdeka dan Merdeka Virtual Run.



Bual Bicara
PENGURUSAN PERTUBUHAN
BERSAMA IKON PERTUBUHAN


PUTRAJAYA, 30 OGOS 2021 –
 Program ini bertujuan mengupas dan mengenal pasti gerakan pertubuhan yang boleh mempengaruhi dan memberi perubahan kepada dasar-dasar kerajaan.





Sambutan BULAN SUKAN JPPM

PUTRAJAYA & JPPM NEGERI, 11 OKTOBER 2021 – Sambutan ini bagi menyahut saranan kerajaan bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga JPPM serta memperkasakan warga JPPM dalam penjagaan kendiri bagi mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit (atau penyakit NCD).



Program PEMBUDAYAAN INOVASI

PUTRAJAYA, 20-22 OKTOBER 2021 –

Program Pembudayaan Inovasi diadakan bagi memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga JPPM. Program ini juga diadakan adalah untuk memberikan pengiktirafan serta penghargaan kepada warga jabatan yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan jabatan.



PEMENANG ANUGERAH INOVASI JPPM 2021

**JOHAN
NAIB JOHAN
KETIGA**

JPPM Negeri Selangor
JPPM Negeri Melaka
JPPM Negeri Johor

Selamat 4 NGO
NGO Digital Guide
Program Pelaksanaan Prihatin Sosial



PROGRAM #ROS_CARE BERSAMA PERTUBUHAN



Program
**OUTREACH BERSAMA PERTUBUHAN PENERIMA
GERAN PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI KEDAH**
9 November 2021
Dewan Seri Mentaloon, Jalan Anak Bukit, Alor Setar, Kedah




Program
RTW BERSAMA MASYARAKAT 3.0
10 September 2021
Wisma Perkeso, Melaka



Taklimat
PENGURUSAN PERTUBUHAN BAGI PERTUBUHAN BARU BERDAFTAR
JPPM NEGERI SEMBILAN

11 NOVEMBER 2021
Secara Atas Talian Melalui Zoom Meeting





#ros_care : PEMELIHARAAN TAMAN EKO RIMBA

26 Oktober 2021

Mossy Forest, Brinchang, Cameron Highlands, Pahang



Taklimat
**PENGURUSAN PERTUBUHAN DAN
PENYATA TAHUNAN
BERSAMA PERTUBUHAN
KATEGORI KEBAJIKAN**

7 Disember 2021
Secara Atas Talian Google Meet



Program
CAKNA NGO
16 Oktober 2021
The Putra Regency, Kangar, Perlis




**Klinik
 PENYATA TAHUNAN (KPT) BIL 20/2021**
26 November 2021
Dewan Seminar Dinamik, Jppm Pulau Pinang



**Program Bual Bicara
**"PERANAN PERTUBUHAN DI DALAM
 MEMBANTU GOLONGAN
 ORANG KURANG UPAYA (OKU)
 MENDEPANI CABARAN COVID-19"****

30 September 2021
 Secara Atas Talian Google Meet



Sesi
KHIDMAT NASIHAT KEPADA PERTUBUHAN
28 Oktober 2021
JPPM SARAWAK



Bengkel
PENGURUSAN TEKANAN DI TEMPAT KERJA
01 September 2021
Secara Atas Talian Google Meet



Program
RAKYAT BEBAS COVID-19, GELANDANGAN DISANTUNI
7 Oktober 2021
Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kembara Dan Anjung Kelana,
Kuala Lumpur.



HIMPUNAN SINERGI PERTUBUHAN KEBANGSAAN 2021 (HiPER'21)

Program
BERSAMA PERSATUAN KOMUNITI SUKARELAWAN KEBAJIKAN
 4 September 2021
 Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis



**Program
HiPER'21 JPPM KELANTAN**
5 September 2021
Kampung Bunut Sarang Burung, Wakaf Bharu Kelantan





**Program
PRIHATIN COVID-19**
24 September 2021
Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang (MAKPEN)





Program
SEJAHTERA BERSAMA
 6 Oktober 2021
 Kompleks KDN, Perak





Program
GEROBOK PRIHATIN

16 Oktober 2021
Jasin, Melaka



Program
SALAM CINTA BUAT SEMUA
 19 Oktober 2021



Daerah Besut, Terengganu



Daerah Hulu Terengganu



Daerah Kemaman, Terengganu



Daerah Kuala Terengganu, Terengganu

Daerah Marang, Terengganu



#kitabantukita



CORETAN WARGA JPPM

Perjuangan
KELUARGA MALAYSIA

Nukilan:

MEGAT RIDUAN SHAH BIN MEGAT SAHRIDAN NAHAR
JPPM Negeri Sabah

Pergi pergi pergi
Jangan jangan jangan
Tidak tidak tidak

Sayu hati apabila teringat kembali
Zaman penjajahan yang rakus
Mencengkam seluruh pelusuk jiwa dan raga
Bukan senang untuk kita lupa
Bukan senang untuk kita hapuskan
Bukan senang untuk kita padamkan
Setiap gerak geri di dalam kotak fikiran

Arakian waktu sentiasa memancarkan tamak halobanya si penjajah
Sehingga ramai nyawa yang terkorban
Berpisah roh dan jasad
Dua alam yang jauh tidak akan kembali

Jiwa merdeka ini yang dilahirkan setelah tamat musnah penjajahan
Di tanah pusaka ini masih ada lagi manusia manusia
Tidak mengenang budi
Tidak mengenal penat Lelah
Tidak menadah kesyukuran
Akan pahlawan pejuang bangsa terdahulu
menegakkan keadilan di tanah pusaka ini

Biar baraku genggam menjadi api
Biar tanahku kais menjadi lubang
Biar bicaraku ucap menjadi mata pedang
Takkan tumpah darahku setetes jika tidak benamnya musuh menyembah bumi
Sumpah satria memperjuangkan bangsa tercinta

Masa demi masa
Waktu demi waktu
Hari demi hari
Taat setiaku pada tanah pertiwi ini
Senantiasa ada tanpa luput dek zaman

Kini bukan keris kita mainkan
Kini bukan tombak kita lemparkan
Kini bukan terakol kita cakahkan
Ada suatu lebih hebat kita debatkan..

Kau Corona..

Merdeka
TANAH AIRKU MALAYSIA

Nukilan:
NOR FAIZATON BINTI KHAMIS
JPPM Negeri Kedah

Disebalik permai tanah merdeka
terpalit ceritera ditandai noda
paparan peristiwa pahit dan perit
dijajah menindas, dipijak menghempas
tanpa ada sekelumit rasa belas.

Pamah warisan menghijau luas ini
ada rasa cinta yang berahi
ada ikatan sumpah janji
ada taat setia disanjung tinggi
perjuangan terdahulu tidak sekali diketepi.

Ayah, pertahan nusa tumpah darahku
bumi bertuah tergalas dibahu
semangat keperwiraan usah diragu
warga berdaulat bersatu padu
menjunjung kasih Daulat Tuanku.

Tanah airku Malaysia
keluhuran dibina usah dipersia
walaupun kita berbeza agama dan bangsa
kita satukan ukhuwah kekuatan
membawa negara ke persada dunia.

Lama sudah kita merdeka
para penjajah lepas cengkamannya
mari kita genggam cinta negara
moga merdeka kekal selamanya
Malaysia prihatin kemakmuran bersama.

Malaysia Dihat,
MERDEKA DIRAI

Nukilan:
NAZIHATUL FARAH BINTI MUHAMAD NIDZAM
JPPM Negeri Pulau Pinang

Kelmarin....
Dunia ini sepi
Mencari dimana sepantas reaksi
Malaysia tidak sepertinya lagi
Betapa peritnya kita majoriti
Menentang paksi arus terkini


Semalam....
Sayunya hati angkara infeksi
Bendera putih menjadi saksi
Melangkah arus dunia dinodai
Saling melihat getirnya hakiki

Namun....
Begitu adanya insan berbudi
Tulus jiwa murah memberi
Kash dna ikhlas menanam empati
Semangat jati tidak terperi
Berjuang berbakti demi pertuoi

Hari ini....
Ogos kini menjelma lagi
Tanggal keramat minda tersemat
Nurani terdetik kian terhimpit
Harapan kini impian abadi
Merdekalah kita dari pandemic ini
Segalanya kuserah kepada Ilahi

Kini....
Saat waktunya telah tiba
Merdeka kita makin dirasa
Melayu Cina India bersatu juwa
Mengulam kasih indah Bersama
Menanti hadirnya sinar cahaya
Kearah gemilangnya semangat Malaysia
Keluarga Malaysia keluarga bahagia





Diterbitkan Oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Aras 8 & 9, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 Putrajaya.

- 📞 03-8870 2601 / 03-8870 2617
- 🌐 www.ros.gov.my
- FACEBOOK [Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia – JPPM](#)
- TWITTER [@JPPM_official](#)